

22/12/2000

Kerajaan pastikan negara aman

Zulkofli Jamaludin

PETALING JAYA, Khamis - Kerajaan akan memastikan negara kekal aman bagi membolehkan syarikat tempatan dan asing yang beroperasi terus mendapat keuntungan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebahagian daripada keuntungan itu, kata Perdana Menteri, akan disalurkan semuala kepada kerajaan melalui cukai untuk membolehkan pelaksanaan projek pembangunan dan menyalurkan kepada masyarakat melalui badan kebajikan.

"Negara kita beruntung kerana banyak syarikat maju membiayai pelbagai kegiatan amal bagi membantu golongan miskin termasuk anak yatim tanpa mengira agama dan kaum," katanya pada Majlis penyampaian bantuan hari raya dan persekolahan kepada Anak-Anak Yatim Wilayah Persekutuan di sini, malam tadi.

Pada majlis anjuran Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan itu, seramai 352 anak yatim masing-masing menerima RM80 untuk bantuan hari raya serta bantuan persekolahan antara RM200 dan RM250.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman; Yang Dipertua persatuan itu, Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali serta Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pernas, Tunku Tan Sri Shahrizan Tunku Sulaiman.

Dr Mahathir berkata, penerima bantuan perlu berterima kasih dan bersyukur di atas setiap bantuan yang diberikan.

"Kita tidak harus terpengaruh dengan ajaran bahawa penerima bantuan tidak perlu berterima kasih kerana segala pemberian Allah.

"Sebenarnya, orang yang menghulur bantuan adalah orang yang berbudi dan kita perlu menyatakan terima kasih supaya dapat memupuk jalinan hubungan yang lebih rapat," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan penerima bantuan supaya terus bersyukur kerana tindakan orang terdahulu mengucapkan terima kasih, mendorong pelbagai pihak terus menghulurkan bantuan.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk membantu golongan anak yatim supaya dapat menikmati kehidupan sempurna seperti kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa.

"Menerusi bantuan ini juga anak-anak yatim tidak akan merasa tersisih atau terpinggir daripada masyarakat," katanya sambil mengingatkan anak-anak yatim bahawa mereka bernasib baik kerana ramai sanggup menghulurkan derma.

Perdana Menteri berkata, anak-anak yatim yang menerima bantuan perlu belajar bersungguh-sungguh dan apabila menamatkan persekolahan serta berjaya dalam kerjaya boleh membantu orang lain.

(END)